

USIM jalin kerjasama antara ISID

SEREMBAN 12 Mac - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalankan kerjasama antara Institut Studi Islam Darussalam (ISID) Gontor, Indonesia membabitkan program Kemasukan Penuntut Mobiliti, baru-baru ini.

Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Abdullah Md. Zin berkata, kerjasama antara dua institusi pengajian tinggi itu bakal memberikan pelbagai manfaat khususnya membabitkan aspek pertukaran ilmu.

“Program yang mampu menjalin serta memperkukuhkan tali silaturrahim ini amat dipandang mulia dalam konteks Islam, malah pelbagai bentuk serta kerjasama lain turut dapat dilaksanakan oleh kedua-dua institusi serumpun ini pada masa kelak.

“Saya turut dimaklumkan, kumpulan kedua pelajar USIM juga telah berada di ISID kini bagi menjalani latihan industri selama dua bulan di Indonesia,” katanya di sini baru-baru ini.